

CABARAN PELAKSANAAN AKTIVITI DAKWAH: KAJIAN TERHADAP MASJID BANDAR SERI PUTRA

Nur Alya Izzanie Nor Azmi,¹ Safinah Ismail,¹ & Halim Mokhtar,¹

¹Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author: Nur Alya Izzanie Nor Azmi. Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. Email: yayaizzanie8899@gmail.com

Abstrak

Masjid merupakan institusi penting yang berperanan sebagai tempat ibadah dan pusat aktiviti sosial serta majlis keagamaan bagi umat Islam. Namun pelbagai cabaran yang dilalui sepanjang pelaksanaan aktiviti-aktiviti dakwah yang dijalankan. Objektif kajian ini bertujuan untuk mengkaji cabaran yang dihadapi oleh Masjid Bandar Seri Putra dalam pelaksanaan aktiviti dakwah kepada masyarakat setempat. Metodologi kajian ini adalah berbentuk kajian kes. Kaedah pengumpulan data adalah melalui temubual secara langsung dengan unit pengurusan masjid tersebut. Pensampelan dilakukan kepada Masjid Bandar Seri Putra, Jalan Seri Putra, Kajang, Selangor. Data yang diperolehi dianalisis secara tematik. Dapatan kajian menunjukkan Masjid Bandar Seri Putra mempunyai cabaran dalam pelaksanaan aktiviti dakwah iaitu kekurangan kakitangan, kekurangan bilik kuliah dan seminar serta memastikan kehadiran jemaah menyertai program masjid. Kajian ini diharapkan dapat membantu pihak masjid dalam memperbaiki kekurangan masjid yang memerlukan penambahbaikan agar institusi masjid pada hari ini sentiasa relevan perannya, seterusnya dapat dikembangkan dan disumbangkan kepada pembentukan ummah yang cemerlang.

Kata kunci: Cabaran, Pelaksanaan, Aktiviti, Dakwah, Masjid

(CHALLENGES IN THE IMPLEMENTATION OF DA'WAH ACTIVITIES: A STUDY ON MASJID BANDAR SERI PUTRA)

Abstract

A mosque is an essential institution that functions as a place of worship and a center for social activities and religious gatherings for Muslims. However, various challenges arise in the implementation of da'wah activities. The objective of this study is to examine the challenges faced by Masjid Bandar Seri Putra in carrying out da'wah activities for the local community. The methodology of this study is a case study approach. Data collection methods include direct interviews with the mosque's management unit. Sampling was conducted at Masjid Bandar Seri Putra, Jalan Seri Putra, Kajang, Selangor. The collected data were analyzed thematically. The findings of the study indicate that Masjid Bandar Seri Putra faces several challenges in implementing da'wah activities, including a shortage of staff, a lack of lecture and seminar rooms, and ensuring congregation attendance in mosque programs. This study is expected to assist the mosque in addressing its shortcomings that require improvement, ensuring that the role of the mosque remains relevant today and can be further developed to contribute to the formation of an excellent ummah.

Keywords : *Challenges, Implementation, Activities, Da'wah, Mosque*

Received: June 16, 2024

Accepted: September 13, 2024

Online Published: December 31, 2024

1. Pendahuluan

Institusi masjid dan pengimarahannya mempunyai hubungkait yang sangat rapat dimana masjid itu berperanan sebagai *one stop center* seluruh umat Islam khususnya. Malah jika disebut tentang masjid, masyarakat kebanyakannya akan bertanya tentang program dan pengimarahannya yang telah dilakukan oleh masjid itu sendiri. Oleh itu, untuk melaksanakan program dan pengimarahannya di masjid bagi kebaikan umat Islam khususnya, perancangan dan tatacara itu perlu dikenal pasti malah mengetahui intipati dibalik pengimarahannya serta kesan yang akan dilakukan.

Hal ini, kerana masyarakat memandang mudah pada setiap yang dilakukan oleh masjid. Bagi sesetengah mereka yang lain ada juga yang mengatakan bahawa masjid tidak ada fungsi melainkan hanya untuk ibadah semata-mata (Muhammaad Yusuf, 2021). Namun setiap masjid mempunyai cabaran yang tersendiri (M. Saleh, 2019). Di antara cabaran yang dihadapi oleh pihak masjid ini dalam pelaksanaan aktiviti dakwah ialah kekurangan kakitangan, kekurangan bilik kuliah dan seminar serta memastikan kehadiran jemaah menyertai program masjid.

Masjid sebagai *Markaz al-Ummah* merupakan institusi terpenting dalam proses bina insan. Sejarah mencatatkan bahawa pembinaan masjid di *Quba'* oleh baginda

Rasulullah SAW bukan semata-mata terfokus untuk melaksanakan ibadah rutin sahaja tetapi ia sebagai titik mula menjana pendidikan umat manusia hingga melahirkan kecemerlangan tamadun. Kegemilangan tamadun Islam juga berkait rapat dengan unsur pendidikan dan ilmu pengetahuan serta penubuhan negara Islam Madinah oleh Rasulullah SAW telah menyaksikan bagaimana masjid dinobatkan sebagai sebuah institusi pendidikan dari segi rohani dan jasmani hingga menjadi mercu tanda keagungan peradaban dan kedaulatan umat Islam.

Seterusnya, masjid yang dibina juga merupakan sebuah tempat untuk melaksanakan ibadah, bagi seluruh umat Islam serta masjid juga merupakan pusat penyebaran dakwah dan ilmu Islam. Sejak zaman Rasulullah SAW, masjid telah dijadikan pusat penyampaian dakwah dan sehingga kini aktiviti dakwah giat dilaksanakan di masjid-masjid seluruh dunia.

Demikian, masjid telah dianggap sebagai tempat rasmi dalam menyampaikan mesej Islam kerana masjid merupakan tempat yang sangat strategik untuk melaksanakan aktiviti dakwah. Namun, setiap peranan masjid yang menjadi institusi dakwah ini pastinya mempunyai cabaran yang perlu dihadapi dalam usaha untuk menjadi teras utama kepada nadi kedamaian hasil daripada memakmurkan masjid.

2. Metodologi

Metodologi kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan reka bentuk kajian kes. Kajian kualitatif ini dipilih juga kerana ia lebih sesuai untuk mengetahui motif yang wujud dalam sesebuah organisasi dan melihat situasi sebenar yang berlaku termasuk mengalami persekitaran yang dikaji (Raihan Kauthar, 2018). Seterusnya, pengkaji telah menggunakan kaedah temubual berstruktur sebagai instrumen kajian. Kajian ini memerlukan pengkaji menjalankan temu bual yang terperinci berdasarkan garis panduan yang ditetapkan (Othman Lebar, 2015). Kaedah temu bual bertujuan untuk memberi rangsangan kepada informan kajian supaya maklumat yang dikumpulkan daripada mereka dapat dibezakan dengan tepat. Soalan-soalan temu bual dibina mesti selaras dengan objektif kajian (Chua Yan Piaw, 2014).

Bagi menggunakan kaedah temubual, pengkaji perlu bersua muka secara terus menerus "*face to face*" dengan informan untuk mendapatkan maklumat secara langsung. Kaedah temubual ini terbahagi kepada dua jenis temubual iaitu temubual berstruktur dan temubual tidak berstruktur (Kamal Azmi, Yusuf Marlon, Ahmad Faqih, Nurzatil Ismah, Zanariah, Sahlawati, 2005). Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah temubual berstruktur. Aktiviti perbualan dan soal jawab dimana bentuk dan kandungan soalan-soalan yang ingin ditanya terhad kepada suatu tajuk atau bidang tertentu sahaja.

Kajian ini pengkaji telah menyusun jadual waktu yang sesuai untuk ditemubual bersama informan. Temubual yang telah disetkan bersama informan dilaksanakan pada hari Jumaat, 06 Oktober 2023 pada jam 05:00 petang. Temubual ini juga dijadualkan bertempat di Masjid Bandar Seri Putra (BSP). Pada hari tersebut, pengkaji telah melaksanakan

temubual bersama Pihak Pengurusan Masjid yang memegang jawatan sebagai Nazir Masjid Bandar Seri Putra (BSP).

Selain itu, pengkaji juga telah menemu bual informan yang kedua pada hari Isnin bersamaan dengan 09 Oktober 2023 pada jam 11:00 pagi. Temubual ini pada asalnya dijadualkan bertempat di Masjid Bandar Seri Putra (BSP). Akan tetapi, atas kekangan jadual informan yang memerlukan kepada tuntutan kerja dan merupakan sebagai pensyarah di Universiti Islam Selangor (UIS). Justeru itu, pengkaji telah melaksanakan temubual bersama informan kedua itu yang memegang jawatan sebagai Imam 3 merangkap Ketua Biro Dakwah dan Penyelidikan Masjid Bandar Seri Putra (BSP).

Jadual 1: Demografi Informan

Informan	Jantina	Umur	Asal	Jawatan
I1	Lelaki	65 Tahun	Bangi, Selangor	Nazir Masjid
I2	Lelaki	35 Tahun	Bangi, Selangor	Imam 3 & Ketua Biro Dakwah dan Penyelidikan

Jadual 1 di atas menunjukkan demografi bagi dua orang informan iaitu informan pertama (I1) dan informan kedua (I2). Informan yang pertama berumur 65 tahun manakala informan kedua berumur 35 tahun dan kesemua informan adalah terdiri daripada lelaki. Seterusnya, informan yang pertama merupakan Nazir Masjid dan informan kedua merupakan Imam 3 merangkap Ketua Biro Dakwah dan Penyelidikan di Masjid Bandar Seri Putra (BSP).

3. Dapatan dan perbincangan

3.1 Cabaran yang dihadapi masjid sebagai institusi dakwah

Secara umumnya adalah institusi yang berperanan penting dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti pengimarahkan kepada masyarakat Islam. Namun demikian, terdapat cabaran yang pihak masjid depani. Oleh itu pengkaji ingin melihat beberapa cabaran yang telah dihadapi oleh pihak masjid sebagai institusi dakwah.

i. Kekurangan kakitangan

Hasil dapatan kajian yang dilakukan, informan telah menyatakan bahawa salah satu cabaran yang dihadapi masjid ini ialah kekurangan kakitangan. Hal ini kerana, pemilihan kakitangan ataupun ahli jawatankuasa telah dipilih secara sukarelawan. Oleh itu, apabila kekurangan kakitangan atau pekerja ianya telah menyebabkan pergerakan kerja menjadi lambat dan tergendala jika terdapat sebarang masalah di masjid. Berikut merupakan respon dan kenyataan dari informan berhubung perkara berikut:

“...kami ada staf sepenuh masa tetapi masih kekurangan staf. Pemilihan AJK ini juga dilakukan secara sukarelawan. Mereka akan datang pagi dan balik petang. Lebih kurang 6/7 orang staf sepenuh masa.” (Informan 2)

Penyataan ini sesuai dengan pernyataan bahawa, antara sebab dikalangan AJK masjid kurang memberi komitmen ialah kerana mereka hanya berkerja secara sukarelawan sahaja di institusi masjid. Ini sedikit sebanyak telah memberi kesan kepada perjalanan sesuatu aktiviti dan perancangan aktiviti kadang-kala terbantut di sebabkan mereka yang mempunyai komitmen lain. Selain itu, ada dikalangan AJK lantikan masjid ini memandang rendah dan tidak bersungguh sungguh dalam melaksanakan tugas kerja yang telah diamanahkan. Ini kerana mereka ini hanyalah bekerja secara sukarelawan (Mohd Ridhuan, 2019).

ii. Kekurangan bilik kuliah & seminar

Dalam masjid kebiasaannya disediakan hanya terhad kepada ruang solat untuk kaum lelaki dan wanita sahaja. Hasil dapatan kajian yang dilakukan, pengkaji mendapati cabaran yang terdapat pada Masjid Bandar Seri Putra (BSP) ini adalah kekurangan bilik kuliah dan seminar. Hal ini kerana, banyak penganjuran program pengisian dan aktiviti di masjid yang ingin dilakukan akan tetapi terpaksa ditangguhkan dulu kerana masjid kekurangan bilik kuliah dan dan seminar. Akan tetapi, informan juga ada memaklumkan bahawa mereka dalam proses penambahan bilik kuliah dan seminar. Berikut merupakan pernyataan informan 2 (I2) berhubung dengan perkara berikut:

“...dari sudut tempat, tiada isu sangat. Cuma sekarang ini proses dalam penambahan bilik kuliah dan seminar kerana kami kekurangan bilik kuliah dan seminar untuk membuat aktiviti pengisian lain” (Informan 2)

Masjid adalah institusi ilmu untuk kecemerlangan masyarakat Islam. Budaya ilmu ini perlu diluaskan dengan mengadakan kelas-kelas keagamaan dan juga kelas-kelas ilmiah yang lain seperti pelajaran komputer, sains, matematik dan lain-lain pelajaran dari peringkat kanak-kanak hingga ke peringkat dewasa. Ini sangat bersesuaian dengan keperluan kehidupan masyarakat Islam kini terutamanya bagi mereka yang berada di kawasan pedalaman dan jauh dari pusat-pusat kegiatan ilmu. Oleh itu peranan masjid sebagai pusat ilmu perlu dioptimumkan bagi membangunkan masyarakat Islam (Nor Azlina, Norafifah & Norajila, 2016).

iii. Memastikan Kehadiran Jemaah Menyertai Program Masjid

Sedia maklum, institusi masjid berperanan menjadikan pusat untuk masyarakat datang berkumpul serta mengimarahkan aktiviti dan program masjid. Namun, hasil dapatan kajian yang dilakukan, informan menyatakan cabaran yang terdapat di Masjid Bandar Seri Putra (BSP) ini ialah memastikan kehadiran jemaah menyertai program masjid. Ini juga dinyatakan oleh informan berkaitan dengan perkara ini:

“...tidak ada lagi setakat ini kehadiran jemaah masih lagi mendapat sambutan walaupun ada sesetengah yang tidak hadir” (Informan 1)

Setiap individu Islam perlu mempunyai rasa tanggungjawab untuk mengimarahkan masjid. Namun tidak semua orang mempunyai rasa tanggungjawab yang sama. Mereka yang mempunyai komitmen yang baik kepada Islam pasti akan selalu menghadirkan diri ke masjid (Muhamad Faisal Ashaari & Firdaus Mokhtar, 2018). Seterusnya, penyertaan ahli jemaah terhadap aktiviti dan program pengimarahkan yang dianjurkan oleh pihak institusi masjid bergantung kepada minat ahli jemaah. Tidak semua program dan aktiviti yang dianjurkan oleh pihak masjid mendapat sambutan daripada orang ramai terutama ahli jemaah (Mohd Ridhuwan, 2019).

Selain itu, menurut informan 2 (I2), pihak masjid juga tidak boleh meletakkan seratus peratus kejayaan program terhadap kapasiti jemaah yang datang dan tidak menyalahkan jemaah semata-mata kerana ianya juga perlu daripada usaha-usaha pengurusan masjid supaya memastikan kehadiran jemaah dalam menyertai aktiviti dan program masjid yang telah dianjurkan. Berikut merupakan respon informan berhubung dengan perkara ini:

“...pihak masjid tidak boleh sepenuhnya meletakkan kejayaan program di atas kapasiti yang datang. Tapi kalau ramai yang datang itu lebih bagus..... tidak boleh menyalahkan jemaah semata-mata. Kalau ada masalah, kita kena hadap sahaja” (Informan 2)

Penyataan ini mendapati bahawa faktor individu ini melibatkan keadaan diri seseorang dan bergantung pula kepada tahap keimanan, didikan awal dan sikap terhadap agama. Menurut Rasulullah SAW, keimanan seseorang secara zahirnya dapat dilihat dengan kekerapan datang ke masjid. Sekiranya seseorang itu mempunyai tahap keimanan yang mantap, jarak masjid yang jauh tidak akan menjadi penghalang untuk sentiasa dekat dengan masjid. Di samping itu, kehadiran seseorang ke masjid turut dipengaruhi oleh faktor lain seperti faktor kawan, keinginan menambah ilmu, berminat dengan program dan sebagainya (Muhamad Faisal Ashaari & Firdaus Mokhtar, 2018).

Justeru itu, kehadiran jemaah ini juga penting kerana menghadirkan diri ke masjid bertujuan untuk memakmurkan dan mengimarahkan masjid serta usaha yang sangat terpuji dan disukai oleh Allah SWT dan Rasulullah SAW. Di samping itu, masjid boleh dijadikan sebagai penanda aras tahap keimanan dan pengukuhan kerohanian individu Muslim. Sebaliknya, kegagalan memenuhi tuntutan ini membawa kepada kelemahan iman dan kelemahan silaturahim dalam komuniti.

8. Kesimpulan

Institusi masjid perlu diperluaskan fungsinya sebagai penggerak utama dalam kehidupan sosial masyarakat. Dalam erti kata menjadikan institusi masjid sebagai pusat sosial dalam kehidupan masyarakat. Peranan pihak pengurusan masjid seharusnya memberikan komitmen yang jelas dalam memasyarakatkan institusi masjid. Memasyarakatkan institusi masjid boleh diterjemah melalui penganjuran aktiviti-aktiviti kemasyarakatan. Dengan berlatarbelakangkan masyarakat yang pesat membangun, pihak pengurusan masjid perlu bergerak secara proaktif agar sentiasa relevan dengan perubahan semasa. Selain itu juga sebagai AJK masjid yang menguruskan institusi masjid seharusnya mempunyai komitmen yang tinggi serta sentiasa berusaha dengan sebaiknya dalam

meningkatkan prestasi institusi masjid. Begitu juga dengan masyarakat, umat Islam seharusnya sama-sama menyumbang kepada pembangunan pengimarahannya institusi masjid.

Justeru itu, peranan dan kepentingan institusi masjid perlu dilihat dari sudut yang lebih luas. Manakala, pandangan yang mengatakan masjid hanya sebagai tempat untuk beribadah dan hanya boleh melakukan aktiviti berbentuk keagamaan sahaja adalah tanggapan yang salah. Oleh yang demikian, pelbagai usaha perlu dipertingkatkan dalam menjadikan masjid sebagai sebuah institusi dakwah yang terpenting dalam Islam sejajar dengan arus perkembangan zaman ini dan umat Islam harus sedar akan kepentingan fungsi dan peranan masjid itu agar dapat dipergiatkan lagi aktiviti-aktiviti masjid selaras dengan wawasan Islam supaya dapat mencapai kegemilangan masjid yang sebenar dalam Islam.

RUJUKAN

- Abdul Razak, Mohd Khairil & Ezry Fahmy, (2010). *Isu dan cabaran institusi masjid dalam pembentukan sahsiah remaja di era globalisasi dan cadangan penyelesaiannya*. Seminar Kebangsaan Pengajian dan Pembelajaran Berteraskan Masjid.
- Kamal Azmi, Yusuf Marlon, Ahmad Faqih, Nurzatil Ismah, Zanariah, Sahlawati, (2005). *Metodologi Penyelidikan, Asas-asas Ilmu Penyelidikan Islam*. Bangi: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Kamarul Azmi Jasmi. (n.d.). *Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif. Siri 1 2012*. Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Ridhuan, (2019). *Cabaran Pengurusan Aktiviti Pengimarahannya Institusi Masjid: Kajian Kes Di Masjid Cemerlang Di Malaysia*. Journal of Management & Muamalah, Vol. 9, No. 1, 2019 eISSN 2180-1681.
- Muhamad Faisal Ashaari & Firdaus Mokhtar, (2018). *Pandangan Imam dan Pentadbir Masjid tentang kehadiran masyarakat ke Masjid*. Jurnal Hadhari 10 (2) (2018) 205-223.
- Muhammaad Yusuf Marlon Abdullah, Halim Mokhtar, Mariam Binti Abd Majid dan Zulkefli Haji Aini, (2021). *Strategi Pengimarahannya Masjid Melalui Gaya Kepimpinan Nazir Masjid di Selangor*. Jurnal Pengajian Islam ISSN: 1823 7126 E-ISSN: 0127-8002 2021, Vol. 14, Special Edition, Hal. 171-185.
- Nor Azlina Abd. Wahab, Norafifah Ab. Hamid & Norajila Che Man, (2016). *Pemeriksaan Peranan Masjid di Malaysia Era Kontemporari*. e-Academia Journal UiTMT, Volume 5 Issue 2 2016.
- Nur Hikmah & Safinah Ismail, (2021). *Cabaran Pelaksanaan Aktiviti: Kajian Terhadap Masjid An-Naim*. *Al-Mimbar: International Journal of Mosque, Zakat and Waqaf Management* Vol. 1, No. 2, December 2021 eISSN :2682-880
- Othman Lebar. (2015). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Saleh M.S. 2019. *Pengimarahannya Masjid: Masjid Mesra Ummah–Isu Dan Cabaran*. e Proceedings of 6th International Conference on Mosque, Zakat and Waqf Management (IMAF-2019).297-305.